

Kitar semula berkesan kawal pencemaran

ISU kitar semula bukanlah perkara baharu dalam masyarakat kita. Boleh dikatakan saban hari di dada-dada akhbar tempatan dan media sosial menyarankan amalan kitar semula untuk kehidupan yang lebih sihat dan sejahtera.

Menurut **Presiden Pencinta Alam Malaysia (MNS), Henry Goh**, bahan-bahan buangan seperti toksik dan segala macam sampah dibuang ke dalam alam sekitar tanpa menyedari kerosakan pada ekosistem, sekali gus menyebabkan berlakunya pemanasan global.

“Sisa industri bukan satu-satunya punca bahan toksik dan pencemaran besar-besaran. Hal ini kerana pelupusan bahan dan sisa buangan seperti barang-barang rumah termasuk alat elektronik, pembungkus makanan, bahan pencuci, botol, plastik serta beg politena terbukti menjadi masalah pencemaran yang pertama.

“Oleh itu, penting bagi masyarakat khususnya di negara



HENRY

ini mengetahui proses yang betul dan mekanisme untuk mengurangkan sisa bahaya tersebut mengancam alam sekitar kita,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Jelas Henry, bahan buangan boleh dikumpul dan dihantar ke mana-mana pusat pengumpulan kitar semula. Bahan-bahan tersebut akan disusun, digabung, dihancurkan dan dikitar semula,

sebelum diolah semula dan menjadi produk baharu.

“Selain mengurangkan pengumpulan sisa di tapak pelupusan, usaha kitar semula adalah cara terbaik dan berkesan menjimatkan tenaga dan mengawal pencemaran tanah, udara dan air.

“Begitupun, program kitar semula yang berkesan bermula daripada bahan-bahan buangan yang telah dicipta seperti isi rumah dan menghubungi pusat kitar semula untuk mengambil sampah,” ujarnya.